

NAMA MURID : _____

KELAS : _____



Pilih maksud kosa kata yang diwarnakan dengan betul.

Mudahnya Halau Serangga

Ayah Hasan, iaitu Encik Mahzan, telah menyemai dan menanam banyak pokok paku gunung di kawasan rumahnya.

Pokok-pokok itu uuntuk dijual. Pokok itu mendapat **permintaan** yang tinggi daripada peminat pokok paku pakis.

Pokok itu **tumbuh** subur. Malangnya, daun pokok itu **diserang** ulat. Encik Mahzan telah mendapat maklumat daripada **internet** tentang cara menghapuskan ulat dengan mudahnya. Beliau tidak perlu menggunakan **racun**.

Encik Mahzan menapis air **basuhan** cili kering di dapur rumahnya. Selepas itu, beliau memasukkan air itu ke dalam botol **penyembur**.

Encik Mahzan menyembur daun-daun muda pada pokok paku gunungnya. Ulat tidak berani makan daun pokok itu lagi. Pokok itu **subur** dan **menghijau** kembali. Ramai orang membeli pokok paku gunung Encik Mahzan.

